

10 NOV 1997

Mahathir-pergolakan

MAHATHIR YAKIN RANTAU ASIA TENGGARA AKAN PULIH

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau yakin bahawa negara-negara Asia Tenggara akan dapat mengatasi pergolakan pasaran yang dicituskan oleh apa yang beliau sifatkan sebagai "kesan tom yam".

Mereka bukan sahaja dapat mengatasi keadaan pasaran sedemikian yang berlaku sejak 2 Julai apabila nilai baht Thailand diturunkan tetapi ia akan kembali menjadi rantau paling pesat berkembang di dunia, katanya.

"Saya yakin kita dapat mengatasinya. Kita akan mengatasi masalah itu. Dan kita akan meneruskan perjalanan untuk kembali kepada sejarah," kata Dr Mahathir dalam ucapan pada Persidangan Global Panel Kuala Lumpur 1997, satu pertemuan antara ahli politik, wakil perniagaan dan ahli akademik untuk membincangkan isu-isu global.

Forum dua hari itu, yang juga bertujuan menggalakkan perdagangan dan kerjasama antarabangsa, dianjurkan oleh Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis) Malaysia, Pusat Penyelidikan Eropah dan Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli).

"Sebagai seorang yang telah banyak melihat apa yang kita melalui di Asia dalam abad ke-20, saya yakin masih terlalu awal untuk mengatakan bahawa rantau Asia Timur atau Asia Tenggara telah berkubur," kata Dr Mahathir.

"Kebangkitan kita bukannya mudah. Perjalanan bagi kita semua sangat mencabar. Kita mengalami banyak kebangkitan dan kejatuhan sepanjang 50 tahun lalu. Kita telah diketepikan beracap kali. Masalah hari ini -- walaupun serius dan sukar -- tidaklah sehebat jika dibandingkan dengan kesukaran masa lampau," kata beliau.

Dr Mahathir juga menyebut mengenai ramalan terbaru Tabung Kewangan Antarabangsa, Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia dan instituti lain yang dalam kajian semula mereka menetapkan unjuran jangka pendek yang menurun bagi rantau ini.

"Bagaimanapun, kesemua mereka termasuk pengkritik paling hebat berkata Asia Timur akan kekal sebagai rantau paling pesat berkembang di dunia," katanya.

Dr Mahathir berkata seperti Amerika Latin, yang dilanda "kesan tequila" krisis mata wang Mexico, krisis Thailand dicituskan oleh "kesan tom yam" yang telah melanda setiap ekonomi di Asia Tenggara.

"Dan seperti yang kita semua tahu sekarang, kegagalan Asia Tenggara boleh merebak ke setiap negara di dunia. Tiada sesiapa yang boleh bersikap bangga diri," kata Dr Mahathir.

Walaupun IMF memuji Malaysia kerana asas-asas ekonominya yang kukuh, kesemuanya ini tidak cukup untuk menahan "kesan jangkitan tom yam", kata Dr Mahathir yang sekali lagi membidas spekulator mata wang kerana mencetuskan pergolakan itu.

Tom yam adalah makanan Thai yang pedas.

Menyentuh mengenai tajuk "Asia dan Eropah: Menjalini satu perkongsian bagi Abad ke-21", beliau menggariskan cabaran-cabaran yang beliau ramal akan timbul termasuk perbezaan tumpuan mengenai peranan kerajaan, negara, pasaran bebas dan individu.

"Memandangkan perniagaan dijangka menjadi penggerak utama dan pembina yang akan memberi kuasa kepada rakyat dan bukannya kerajaan, bagaimana dapat kita pastikan bahawa perasaan tamak dan salahguna kuasa korporat tidak akan berlaku," katanya.

"Dapatkan kita pastikan bahawa pasaran bebas akan ditadbir oleh perasaan komitmen dan tanggungjawab sedangkan penggerak dan penggoncang pasaran sebenarnya tidak dipilih oleh sesiapa dan digerakkan sebahagian besarnya oleh perasaan tamak dan keinginan untuk meraih sebanyak mungkin kekayaan.

"Bolehkah Milken, Boesky dan Soros di masa depan bersikap lebih bertimbang rasa berbanding dengan model yang ada sekarang," kata Dr Mahathir yang gesaannya supaya diwujudkan ketelusan dalam perdagangan mata wang mendapat sokongan global

-- yang terbaru oleh Kumpulan 15 (G15) pada sidang kemuncak ketua-ketua negara dan kerajaan mereka di sini minggu lepas.

Menyentuh mengenai kemakmuran global, beliau berkata adalah sangat penting bagi kesemua negara bekerjasama ke arah membasmi sepenuhnya kemiskinan dalam abad ke-21.

"Kenapa tidak kita menetapkan abad ke-21 sebagai abad di mana kita akan meyakinkan kemiskinan berakhir?," katanya.

Dr Mahathir juga menyebut mengenai campur tangan golongan tertentu dalam pasaran bebas bertujuan untuk memperkayakan golongan yang kaya dan tamak dan menyebabkan golongan miskin semakin tertekan.

"Jika kuasa-kuasa pasaran dapat memainkan peranan (untuk menjanakan kemakmuran) ia harus ditadbir oleh undang-undang dan peraturan kerana kita mahu Kerajaan-kerajaan menghormati undang-undang dan peraturan itu," katanya.

Dr Mahathir juga menekankan pentingnya mengubah minda daripada "memiskinkan jiran kita" kepada "memakmurkan jiran kita".

"Kita harus mula memperuntukkan masa dan usaha yang banyak untuk memakmurkan jiran-jiran kita dan jiran-jiran mereka. Kita harus memegang pendirian bahawa masa depan dan kemakmuran kita bergantung kepada negara-negara lain menikmati kejayaan sekurang-kurang setanding dengan kita," katanya.

Perdana Menteri Belanda Wim Kok, dalam perutusan kepada persidangan itu melalui sidang video, berkata dasar "memakmurkan jiran kita" yang dijelaskan oleh Dr Mahathir telah meningkatkan perdagangan dan pelaburan antara Asia dan Eropah. -- BERNAMA

AZZ AKD